

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN
BAGI SEMESTER I 2020/2021

1. KAEDAH SEBELUM PELAKSANAAN PEPERIKSAAN

- 1.1 Pelaksanaan peperiksaan akhir perlu merujuk kepada dokumen Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir dan juga RPP 14.
- 1.2 PPA perlu membuat semakan terhadap kertas peperiksaan yang telah dihantar untuk semakan sebelum dimuat naik oleh penyelaras ke dalam Sistem Author.
- 1.3 Semua penyelaras perlu memastikan tarikh dan masa peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Akademik (PPA).
- 1.4 Semua penyelaras perlu membuat satu **capaian alternatif** bagi setiap kursus yang menjalani peperiksaan akhir secara dalam talian.
- 1.5 **Capaian alternatif** kursus peperiksaan akhir ini adalah sebagai capaian alternatif sekiranya pelajar tidak dapat memuat turun kertas peperiksaan dan memuat naik skrip jawapan pada masa yang ditetapkan.
- 1.6 Cadangan maklumat di dalam capaian kursus peperiksaan akhir adalah seperti berikut: ***Kertas soalan peperiksaan akhir kursus.***
- 1.7 PPA perlu menyediakan contoh **capaian alternatif** borang perakuan pelajar (Google Form) sebagai rekod rasmi untuk memuat naik skrip jawapan selain daripada Author.

Cadangan maklumat adalah seperti berikut:

Nama pelajar, No Matrik, Kod Kursus [Nama Kursus], Seksyen, Nama Fail (Kod Kursus_No Matrik Pelajar) & Ruang untuk memuat naik skrip jawapan.

- 1.8 Whatsapp atau Telegram hanya digunakan sebagai medium penyebaran maklumat secara pantas kepada pelajar. Sebarang penghantaran skrip jawapan hendaklah melalui **capaian alternatif** rasmi yang disediakan oleh penyelararas (Google Form).

2. KAEDAH SEMASA PELAKSANAAN PEPERIKSAAN

- 2.1 Pengawas perlu memastikan semua pelajar berjaya memuat turun soalan peperiksaan akhir khususnya bagi kursus yang memerlukan pelajar menjawab soalan peperiksaan secara **segerak** melalui Sistem Author (.pdf).
- 2.2 Pelajar perlu **klik butang simpan (save) dan hantar (submit)** selepas menjawab setiap soalan di dalam Sistem Author bagi memastikan kesemua jawapan dapat direkodkan secara **segerak**.
- 2.3 Sekiranya talian internet terputus, pelajar perlu **Log In semula** dan jawapan yang telah disimpan dan dihantar akan dipaparkan dan pelajar perlu meneruskan untuk menjawab soalan yang seterusnya.
- 2.4 Sekiranya pelajar gagal *Log In* melalui Sistem Author, pengawas perlu memberi **capaian alternatif** kepada pelajar untuk memuat turun kertas peperiksaan dan meneruskan sesi menjawab soalan peperiksaan.
- 2.5 Pengawas perlu memaklumkan **masa peperiksaan tamat** kepada pelajar dan masa **15 hingga 30 minit** yang diberikan setelah tamat tempoh peperiksaan adalah **untuk pelajar memuat naik skrip jawapan** ke dalam Sistem Author.
- 2.6 Pelajar **boleh meninggalkan dewan peperiksaan maya** setelah pelajar berjaya memuatnaik skrip jawapan menggunakan Sistem Author.

3. KAEDAH SELEPAS PELAKSANAAN PEPERIKSAAN

- 3.1 Setelah masa peperiksaan tamat, pengawas perlu memaklumkan kepada pelajar untuk **memuatnaik skrip jawapan melalui Sistem Author** berpandukan masa yang telah ditetapkan iaitu **15 sehingga 30 minit sahaja**.
- 3.2 Pelajar yang memaklumkan mengenai **kegagalan memuatnaik skrip jawapan 15 minit sebelum tempoh muatnaik tamat** sahaja yang akan diberikan capaian alternatif.
- 3.3 Pelajar yang **masih lagi gagal** menghantar skrip jawapan selepas 30 minit tempoh muatnaik skrip jawapan, perlu direkodkan maklumat pelajar tersebut sebagai rekod cara terakhir penghantaran skrip jawapan.
- 2.7 Pengawas perlu memastikan semua pelajar telah memuat naik skrip jawapan ke dalam **salah satu medium sahaja** iaitu Sistem Author **atau capaian alternatif** Peperiksaan Akhir sahaja.
- 3.4 Pengawas perlu menyemak dan melaporkan bilangan pelajar yang telah menghantar skrip jawapan dan membuat pengesahan melalui Sistem Author.
- 3.5 PPA perlu memaklumkan kepada staf akademik tempoh untuk mengambil kesemua skrip jawapan pelajar, dan memastikan bilangan skrip jawapan pelajar adalah tepat dengan bilangan pelajar. Staf akademik perlu membuat perakuan penerimaan skrip jawapan kepada PPA.
- 3.6 Penyelaras perlu memastikan kesemua kertas soalan peperiksaan akhir telah dinyah aktif daripada Sistem Author dan capaian alternatif Kursus Peperiksaan Akhir setelah peperiksaan tamat dijalankan.

DISEDIAKAN OLEH

Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

26 Januari 2021